

PIAGAM PELANGGAN PIHAK BERKUASA TEMPATAN:

1. Permohonan pelan bangunan yang lengkap akan diproses dan dikemukakan kepada agensi luar / seksyen dalaman yang berkaitan untuk ulasan dalam tempoh sepuluh (10) hari bekerja.
2. Pelan bangunan dibawa ke Mesyuarat Jawatankuasa Majlis dalam tempoh tidak melebihi empat belas (14) hari bekerja selepas mendapat kelulusan dari semua agensi yang berkaitan untuk kelulusan.
3. "Occupation Permit" hendaklah dikeluarkan dalam tempoh dua (2) hari bekerja selepas penerimaan Borang F.
4. Projek pembangunan dilaksanakan mengikut jadual yang dirancang dalam tahun semasa (DPr – Dalam Perancangan, IJ – Ikut Jadual, DJ – Dahulu Jadual, SS – Sudah Siap).
5. Buku baharu yang diperolehi melalui perolehan Pihak Berkuasa Tempatan dan Pinjaman Berkelompok diproses dan dipamerkan untuk pinjaman dalam tempoh dua (2) bulan dari tarikh penerimaan.
6. Mengambil tindakan susulan dalam tempoh tiga (3) hari bekerja ke atas setiap kesalahan / pelanggaran undang-undang.
7. Sampah domestik dikutip mengikut jadual kutipan yang ditetapkan oleh Majlis.
8. Permohonan lesen yang lengkap diproses dan diluluskan dalam tempoh sembilan puluh (90) hari bekerja.
9. Semua bil cukai taksiran dihantar satu (1) bulan sebelum tarikh akhir pembayaran yang diwartakan.
10. Memberi respon kepada pengadu dalam tempoh dua puluh empat (24) jam.
11. Memastikan kes aduan diselesaikan dalam tempoh tidak melebihi empat belas (14) hari bekerja dari tarikh aduan diterima.